

## kawasan RTD KEMAMAN

Kawasan RTDK meliputi keseluruhan kawasan Daerah Kemaman dengan keluasan 253,5593.99 hektar iaitu merangkumi lebih kurang 19.6 peratus daripada jumlah keluasan Negeri Terengganu secara keseluruhan dan terdiri daripada 12 mukim iaitu Mukim Bandi, Banggul, Binjai, Cukai, Hulu Cukai, Hulu Jabur, Kemasik, Kerteh, Kijal, Pasir Semut, Tebak, dan Teluk Kalung.

Daerah Kemaman telah diwartakan sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBPT) Majlis Daerah Kemaman pada tahun 1996. Kawasan Kemaman terletak di kawasan negeri Terengganu Selatan yang disempadani oleh Daerah Dungun di utara dan Daerah Kuantan, Pahang di sebelah selatan.

Perancangan kawasan RT dibahagikan kepada 11 Blok Perancangan (BP) iaitu:-

- BP 1- Kerteh ( 24,804.57 hek )
- BP 2- Kemasik ( 6,509.80 hek )
- BP 3- Hulu Cukai ( 25,316.00 hek )
- BP 4- Kijal (6,489.43 hek )
- BP 5- Teluk Kalung ( 4,506.21 hek )
- BP 6- Cukai ( 3,026.60 hek )
- BP 7- Binjai ( 3,380.80 hek )
- BP 8- Pasir Semut ( 6,513.00 hek )
- BP 9- Banggul ( 7,416.31 hek )
- BP 10-Hulu Jabur ( 13,359.91 hek )



## mengapa pihak berkuasa perancang tempatan MENGUNAKAN RTD

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan menggunakan RT sebagai bahan rujukan dan semakan untuk mengatur, mengawal, dan merancang pemajuan dan penggunaan semua aktiviti gunatanah dan bangunan dalam kawasannya.

## bagaimana MENDAPATKAN RTD

RTD Kemaman boleh didapati di kaunter Jabatan Perancangan Bandar, bangunan MPK untuk melakukan sebarang semakan mengenai zoning kawasan, aktiviti gunatanah, pembangunan yang dicadangkan dan lain-lain dan juga boleh mendapatkan CD RTDK dalam bentuk PDF dengan bayaran sebanyak RM30.00 di kaunter jabatan.




Untuk  
Keterangan Lebih Sela  
Hubungi:  
Jabatan  
Perancangan Bandar  
Majlis Perbandaran Kemaman  
Jalan Air Putih,  
24000 Kemaman  
Terengganu Darul Iman  
☎ 09-8597777/8597700  
☎ 09-8595455

[www.mpk.kemaman.gov.my](http://www.mpk.kemaman.gov.my)

# Trancangan Tempatan Daerah Kemaman

## 2003 - 2015

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KEMAMAN  
2003 - 2015



Jabatan Perancangan Bandar  
Majlis Perbandaran Kemaman

## rancangan PEMAJUAN

Rancangan Pemajuan adalah sebahagian daripada polisi pembangunan di peringkat nasional di negara kita dimana ianya pekara yang paling penting dalam hal berkaitan dengan Rancangan Fizikal Negara (di peringkat kebangsaan), Rancangan Struktur Negeri ( di peringkat negeri ) dan Rancangan Tempatan ( pada peringkat daerah )

Rancangan Pemajuan mengandungi polisi dan cadangan ke atas sistem pembinaan struktur fizikal dan keselesaan persekitaran untuk memenuhi permintaan kehendak sosial dan ekonomi sesebuah kawasan. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) meminta Pihak Berkuasa Tempatan ( PBT) untuk menyediakan Rancangan Tempatan manakala Rancangan Struktur dipertanggungjawab kepada Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa negeri.

## apa itu RANCANGAN TEMPATAN

Rancangan Tempatan merupakan satu peta dan penyataan bertulis yang disokong oleh garis panduan pelaksanaan yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan- cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk sebarang pemajuan dan penggunaan tanah yang meliputi PBPT dan juga daerah. Cadangan- cadangan pembangunan yang diutarakan hendaklah 'in-conformity' dengan dasar-dasar pembangunan RSN.

## kegunaan RT dalam PERANCANGAN

1. Menterjemahkan dan memperincikan segala dasar-dasar yang terdapat dalam RS.
2. Menyediakan dan menghalusi garis panduan bagi tujuan kawalan pembangunan bagi setiap pembangunan yang akan dibangunkan.
3. Menyediakan asas perancangan untuk menyelaraskan program pembangunan pelbagai kumpulan awam dan individu.
4. Membantu orang awam iaitu dengan menyemak zoning, cadangan dan perancangan bagi sesuatu kawasan untuk melakukan sesuatu pembangunan.

## matlamat PEMBANGUNAN RTD KEMAMAN

Matlamat pembangunan daerah Kemaman secara dasarnya adalah berpandukan wawasan pembangunan Daerah Kemaman tahun 2020 iaitu " Menjadikan Daerah Kemaman sebagai pusat pertumbuhan utama di selatan negeri Terengganu yang berteraskan pembangunan industri petroleum serta industri berat."



## objektif RTD KEMAMAN

1. Mentafsirkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan yang terkandung dalam Rancangan Struktur Kemaman ( Pengubahan ) 1998-2020 serta dasar-dasar pembangunan Majlis Perbandaran Kemaman dan Negeri Terengganu ke dalam bentuk Fizikal.
2. Menyediakan Garis Panduan dan Pembangunan kepada Majlis Perbandaran Kemaman serta agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta dalam membangunkan kawasan kajian.
3. Mengenalpasti projek-projek utama untuk pembangunan serta menyediakan program pelaksanaan dan anggaran kos pembangunan.
4. Memelihara sumber-sumber alam bina dan semulajadi yang mempunyai kepentingan alam sekitar, nilai sejarah dan keindahan yang perlu dipelihara dan dikekalkan.
5. Memperbaiki dan meningkatkan sistem lalulintas serta mencadangkan laluan-laluan baru ke arah mempergiatkan lagi pertumbuhan di kawasan kajian.